

17 JUL 2000

Hishammuddin-Jawatan

PEMUDA HARAP HENTIKAN CADANGAN HAPUS JAWATAN TERTINGGI UMNO

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno hari ini meminta semua pihak supaya berhenti membuat cadangan untuk menghapuskan sebarang jawatan tertinggi dalam Umno kerana ia tidak mendatangkan apa-apa faedah.

Ketua Pemuda Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata pemimpin Umno pada masa ini sepatutnya menumpukan usaha bagi mengukuhkan parti dengan mengenal pasti masalah dan mendekati anggota di peringkat akar umbi.

Jawatan-jawatan itu telahpun diisi melalui pemilihan sewaktu perhimpunan Umno (Mei) lepas dan sebarang perbincangan untuk mengubahnya tidak akan ke mana, katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Semalam bekas timbalan presiden Umno Tun Ghafar Baba mencadangkan supaya jawatan timbalan presiden parti dihapuskan sebaliknya jawatan naib presiden ditambah daripada tiga kepada lima orang dan timbalan dilantik dari kalangan naib presiden itu.

Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz pula mencadangkan supaya jawatan naib presiden dihapuskan.

Hishammuddin sebelum itu mempengerusikan mesyuarat lembaga amanah Yayasan Gerakbakti Kebangsaan yang telah membuat keputusan akan memastikan kebajikan 540 keluarga setinggian di Kampung Abdullah Hukum yang tinggal di atas tanah milik (YGK) tidak akan diabaikan apabila kawasan itu dibangunkan.

Sementara itu anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Dr Abdul Hamid Othman berkata Umno masih memerlukan jawatan timbalan presiden bagi memudahkan parti menyediakan bakal pengganti presiden dan ketika ini ia tidak menimbulkan masalah kerana memenuhi perlembagaan parti.

"Apa yang ada sekarang cukup baik untuk anggota Umno memikirkan dalam jangka panjang mengenai soal pengganti (presiden), bukan secara mengejut," katanya di lobi Parlimen di sini.

Abdul Hamid berkata Dr Mahathir sebagai presiden sekarang, boleh membuat keputusan berhubung soal penggantinya.

Katanya perlembagaan Umno tidak menetapkan timbalan presiden Umno mesti dilantik terus menjadi timbalan perdana menteri dan naib presiden Umno yang memperolehi undi tertinggi tidak semestinya akan dilantik timbalan presiden.

-- BERNAMA

RZS RON